

31 JUL 1998

Mesyuarat

TRANSPARENCY INTERNATIONAL AKAN ADAKAN AGM DI KL

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Transparency International (TI), gabungan antarabangsa menentang rasuah yang berpejabat di Berlin, akan mengadakan mesyuarat agung tahunannya di sini pada September.

Mesyuarat tahunan itu akan diadakan serentak dengan satu persidangan antarabangsa yang menumpukan kepada Asia, dianjurkan bersama dengan Institut Pengurusan Malaysia (MIM) pada 12-13 Sept, kata Koordinator TI bagi Malaysia Tunku Abdul Aziz dalam satu kenyataan di sini.

Persidangan mengenai "Memperkukuhkan Integriti - Cabaran Bagi Asia - Satu Agenda Global" akan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Datuk Shafee Yahaya.

Presiden TI Dr Peter Eigen berkata hubungan antara TI dan Malaysia bermula pada 1996 apabila sebuah pertubuhan bukan kerajaan menerbitkan Indeks Persepsi Rasuah.

"Indeks itu mengandungi pandangan yang menggalakkan kerajaan menilai prestasi sistem integritinya dengan berhati-hati dan Malaysia merupakan negara pertama yang menyahut cabaran itu," katanya dalam kenyataan yang sama.

Dr Eigen berkata perkara itu telah dilakukan dengan memulakan kempen anti rasuah peringkat nasional, memperkukuhkan sistem perundangan terhadap rasuah dan menambah kuasa dan belanjawan BPR.

"Saya juga kagum dengan kewibawaan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kesediaanya untuk membincangkan topik yang mahu dielakkan oleh pemimpin-pemimpin lain," katanya.

Katanya, penekanan patut diberikan kepada pencegahan rasuah daripada penguatkuasaan yang merupakan jalan terakhir apabila langkah-langkah pencegahan gagal.

Antara penceramah pada persidangan itu ialah Peguam Negara India Soli Sorabjee dan aktivis sosial Indonesia Prof Emil Salim.

-- BERNAMA

RAZ RHM